



## AKAUN BERSAMA

Setiap bahagian bagi pemegang akaun bersama digabungkan dengan deposit lain yang dipegang atas namanya sendiri. Jumlah agregat deposit diinsuranskan sehingga **\$100,000**.

Setiap pemegang akaun bersama diandaikan mempunyai bahagian yang setara dalam akaun bersama, melainkan rekod ahli Skim DI menunjukkan sebaliknya.

Jumlah Akaun dalam Akaun Bersama  
**\$160,000**



**\$80,000**

+

tiada akaun lain

= **\$80,000**

Diinsuranskan  
**\$80,000**



**\$80,000**

+

Akaun Simpanan: \$50,000

= **\$130,000**

Diinsuranskan  
**\$100,000**  
Tidak diinsuranskan:  
\$30,000

*Semua angka adalah dalam Dolar Singapura.*



## JANGAN PANIK. ANDA DILINDUNGI SECARA AUTOMATIK.

Anda tidak perlu mengisi sebarang borang permohonan atau membayar sebarang premium. Hanya pastikan butiran peribadi anda dengan bank ahli atau syarikat kewangan adalah yang terkini.



**KELUAR**

## BERTENANGLAH BERSAMA SDIC

Sekiranya bank ahli atau syarikat kewangan mengalami kegagalan, nantikan pengumuman melalui media massa untuk mengetahui cara pampasan akan diberikan kepada anda.

SKIM INSURANS DEPOSIT

# JANGAN TEKAN

**PANIK**

## BERTENANGLAH BERSAMA

**SDIC**  
Deposit Insurance  
Policyowners' Protection

TERUSKAN MEMBACA UNTUK MENGETAHUI  
CARA DEPOSIT ANDA DILINDUNGI SEKIRANYA  
BANK AHLI ATAU SYARIKAT KEWANGAN GAGAL.

### KETAHUI LEBIH LANJUT

Lawati [www.sdic.org.sg](http://www.sdic.org.sg) untuk perihal lanjut Skim Insurans Deposit.



[infosdic@sdic.org.sg](mailto:infosdic@sdic.org.sg)




[www.facebook.com/sdicsg](https://www.facebook.com/sdicsg)

# APAKAH SDIC?

Perbadanan Insurans Deposit Singapura (SDIC) diberi mandat bawah Akta Skim-skim Perlindungan Insurans Deposit dan Pemilik Polisi untuk menguruskan Skim Insurans Deposit (DI). Semua bank penuh dan syarikat kewangan di Singapura ialah ahli Skim DI, melainkan yang dikecualikan oleh Penguasa Kewangan Singapura.

Imbas kod QR untuk senarai penuh ahli Skim DI.



SDIC juga mentadbir Skim Perlindungan Pemilik Polisi (PPF Scheme).  
Kunjungi laman web SDIC untuk maklumat lanjut.

## APAKAH SKIM DI?

Skim Insurans Deposit (DI) melindungi deposit anda dengan ahli Skim DI sekiranya ahlinya mengalami kegagalan.

## APAKAH YANG DILINDUNGI?

Deposit atau wang dolar Singapura dalam:

- ✓ Akaun simpanan, semasa dan simpanan tetap
- ✓ Akaun Wadiah
- ✓ Akaun Murabah
- ✓ Akaun amanah dan pelanggan
- ✓ Akaun Skim Persaraan Tambahan (SRS)
- ✓ Akaun Skim Pelaburan CPF (CPFIS)
- ✓ Akaun Skim Jumlah Persaraan CPF (CPFERS)

Deposit mata wang asing, pelaburan dwimata wang, deposit berstruktur dan produk pelaburan lain tidak diinsuranskan.



## BAGAIMANAKAH ANDA DILINDUNGI?

Deposit anda yang diinsuranskan adalah dilindungi sehingga had agregat **\$100,000** setiap pendeposit bagi setiap ahli Skim DI — tidak kira berapa banyak akaun yang anda miliki dengan ahli yang sama.

### PERLINDUNGAN DI

Akaun Simpanan  
**\$30,000**  
+  
Akaun Deposit Tetap  
**\$80,000**  
+  
Akaun SRS  
**\$20,000**  
  
Jumlah Gabungan:  
**= \$130,000**

Diinsuranskan:  
**\$100,000**  
Tidak diinsuranskan:  
**\$30,000**



## WANG BAWAH CPFIS DAN CPFERS

Wang anda yang disimpan dengan ahli Skim DI dalam CPFIS dan CPFERS diagregatkan dan diinsuranskan berasingan sehingga **\$100,000**.

Akaun Simpanan  
**\$30,000**  
+  
Akaun Deposit Tetap  
**\$90,000**  
  
Jumlah Gabungan:  
**= \$120,000**

Diinsuranskan:  
**\$100,000**  
Tidak diinsuranskan:  
**\$20,000**

Akaun CPFIS/CPFERS  
**\$10,000**  
  
Diinsuranskan:  
**\$10,000**



## AKAUN AMANAH

Akaun amanah dan pelanggan diinsuranskan sehingga **\$100,000** setiap akaun.



Akaun Simpanan Bapa  
**\$40,000**

Diinsuranskan:  
**\$40,000**



Akaun Simpanan Anak dalam Amanah oleh Bapa  
**\$120,000**

Diinsuranskan:  
**\$100,000**

Tidak diinsuranskan:  
**\$20,000**



Akaun Simpanan Anak Perempuan dalam Amanah oleh Bapa  
**\$70,000**

Diinsuranskan:  
**\$70,000**

## AKAUN PEMILIKAN TUNGGAL

Jika anda seorang pemilik tunggal, deposit dalam akaun peribadi dan akaun perniagaan anda bawah nama pemilikan tunggal digabungkan dan jumlah keseluruhan diinsuranskan sehingga **\$100,000**.

Akaun Peribadi **\$45,000** + Akaun Perniagaan **\$65,000** = Jumlah Gabungan: **\$110,000**



**DIINSURANSKAN:**  
**\$100,000**

Tidak diinsuranskan: **\$10,000**

Semua angka adalah dalam Dolar Singapura.